- F4 - Mengurniakan anugerah dan pingat
(Mana-mana jawapan munasabah)

1. Teliti sedutan lirik lagu berikut.

Tajuk Sajak: Erti Kemerdekaan
Oleh : A Samad Said

Kita mencari hanya yang tulen dan jati
 sekadar hidup mengerti dan berbudi
 dan bumi akan subur, makmur dan mewah
 jika kita bekerja dan berikrar hidup bersama
 tanah air memberi banyak
 mesra mendakap kita
 kemerdekaan mendorong kita berdiri dan berbakti
 dan dalam alaf baru
 semangat kita wajar padu berjalan kita
 atas nama tanah air dan bangsa
 bangga kerana merdeka
 megah kerana bahagia

sumber ubah suai <https://contoh.my/contoh-sajak>

1. **Jelaskan masej** yang terkandung **dalam sajak** tersebut.
 (8 markah)

Masej dalam sajak

- F1-Kita mestilah mencari kebenaran dalam perjuangan
- F2-Saling memahami dengan sifat mulia/baik
- F3-Limpahan rahmat akan dinikmati apabila kita berkerjasama
- F4-Negara kita telah banyak memberi jasa kepada kita
- F5-Nikmat kebebasan/merdeka hari ini perlu diisi dengan kerjasama dan perpaduan
- F6-Kita pewaris negara haruslah bangga dengan kemerdekaan
- F7-Kemerdekaan ini menjadikan kita hidup bahagia
- F8-Kita mestilah memajukan negara dengan usaha kita sendiri
(Mana-mana jawapan munasabah)

TAJUK 11 : KEMERDEKAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU
BAB 8 : PILIHAN RAYA [MS 194-206]
SUB TOPIK : 8.1 PERKEMBANGAN PILIHAN RAYA
DI PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

1. Poster berikut berkaitan dengan pilihan raya peringkat Majlis Perbandaran di Persekutuan Tanah Melayu.




Sumber : Malaysia, Arkib Negara Malaysia 2007.
 Merintis Denai Demokrasi, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia

Berdasarkan poster tersebut, apakah **harapan rakyat melalui Pilihan Raya Majlis Perbandaran** George Town 1951 dan Kuala Lumpur 1952? [MS 196-197] [4 markah]

- F1-Pemimpin yang dipilih harus berkhidmat untuk rakyat.
- F2-Perumahan untuk rakyat
- F3-Kemudahan kesihatan diperluas
- F4-Sistem pembentungan/perparitan ditambahbaik
(Mana-mana jawapan munasabah)

SUB TOPIK : 8.3 PENUBUHAN MAJLIS PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

1. Maklumat berikut adalah intipati ucapan Tunku Abdul Rahman semasa perasmian Majlis Perundangan Persekutuan



Huraikan maklumat yang terkandung dalam petikan di atas dan jelaskan **penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan** [MS 204-205]

[8 markah]

Maklumat

- F1 - Sejarah
- F2 - Bangga
- F3 - Status
- F4 - Yakin

Majlis Perundangan Persekutuan

- F1 - Tunku Abdul Rahman
- F2 - Pembaharuan
- F3 - Pegawai British
- F4 - Sistem Ahli

(Mana mana jawapan munasabah)

SUB TOPIK 8.4 : PERANAN KABINET PERTAMA PERSEKUTUAN TANAH MELAYU [MS 206-207]

1. Baca petikan berikut

Pilihan raya ialah proses pemilihan barisan kepimpinan, juga sebahagian daripada penentu masa depan negara dan proses yang perlu disertai serta diraikan semua warganegara yang layak. Demokrasi seperti dikenali ramai ialah sistem berasaskan kepada pilihan yang dibuat oleh majoriti rakyat yang layak mengundi. Semakin tinggi jumlah pengundi yang melaksanakan tanggungjawab, semakin jelas sokongan terhadap barisan pemimpin yang dipilih. Kita juga tidak boleh lupa bahawa sistem demokrasi kita ialah demokrasi yang meletakkan institusi beraja pada suatu tempat yang strategik. Institusi ini diharapkan mampu untuk mengimbangkan suasana sukar, sekiranya timbul dalam sistem demokrasi. Justeru, kedatangan pilihan raya kali ini perlu diraikan dengan menunjukkan kematangan kita sebagai warganegara Malaysia yang layak mengundi untuk melihat citra ketatanegaraan dan cita-cita negara tercapai.

Prof Madya Dr Shamrahayu A Aziz - April 28, 2018 @ 7:11am
cnews@nstp.com.my

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan di atas dan kesannya terhadap negara jika demokrasi diabaikan

[8 markah]

Maklumat

- F1 - Pemilihan
- F2 - Demokrasi
- F3 - Pengundi
- F4 - Institusi beraja

Kesan

- F1 - Tidak bertanggungjawab
- F2 - Kucar-kacir
- F3 - Pemimpin
- F4 - Mundur

(Mana-mana jawapan munasabah)

BAB 9 : PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957

2. Jelaskan mesej yang terkandung dalam poster berikut.



Jelaskan mesej yang terkandung dalam poster berikut

- F1 - Mewujudkan persefahaman
- F2 - Bersama-sama semarakkan semangat cintakan Malaysia
- F3 - Setiap lapisan masyarakat bersatu tanpa sempadan
- F4 - Mengerakkan perasaan kasih sayang
- F5 - Mewujudkan semangat hormat menghormati antara kita
- F6 - Memupuk semangat patriotisme untuk erat perpaduan
- F7 - Kepelbagaian budaya keunikan negara kita
- F8 - Untuk mengeratkan ukhwah
(Mana-mana jawapan munasabah)

TEMA : PEMBINAAN NEGARA
BAB 10 : PEMASYHURAN KEMERDEKAAN
SUBTOPIK 10.1 : Pengertian Kemerdekaan

1. Telitikan ucapan petikan berikut.

Menurut Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia, merdeka bukan sekadar bebas dari cengkaman kuasa dan minda penjajah. Merdeka juga bermaksud menghayati semangat jiwa merdeka dengan menyayangi negara sepenuh hati dan sanggup berkorban untuk negara ini dengan apa-apa cara sekalipun.

*Sumber: Teks Ucapan Hari Merdeka 2018
dlm. www.pmo.gov.my.*

13 Julai 2019.

Huraikan mesej yang terdapat dalam petikan tersebut.

[8 markah]

- F1 - Merdeka bermaksud bebas
- F2 - Bebas dari kuasa asing
- F3 - Bebas dari segi minda
- F3 - Mempunyai hala tuju sendiri
- F4 - Mempunyai semangat jiwa merdeka
- F4 - Menyayangi negara sepenuh hati
- F5 - Rela berkorban
- F6 - Sanggup mempertahankan negara
- F7 - Menghargai kemerdekaan
- F8 - Menghargai tokoh-tokoh kemerdekaan
(Mana-mana jawapan munasabah)

TEMA : PEMBINAAN NEGARA
BAB 10 : PEMASYHURAN KEMERDEKAAN
SUBTOPIK 10.2 : Persediaan Menyambut Pemasyhuran Kemerdekaan Negara

1. Telitikan poster berikut.



Huraikan maklumat yang terkandung di dalam poster tersebut. [4 markah]

- F1 - Bulan dan bintang menunjukkan agama Islam
 - F2 - Bintang berpecah 14 menunjukkan 13 buah negeri dan 1 wilayah persekutuan
 - F3 - Warna kuning pada bulan dan bintang-warna diraja
 - F4 - Warna biru tua-melambangkan perpaduan antara kaum
 - F5 - Warna merah-menunjukkan keberanian
 - F6 - Warna putih-menunjukkan kesucian dan keluhuran
- (Mana-mana jawapan munasabah)**

TEMA : PEMBINAAN NEGARA
BAB 10 : PEMASYHURAN KEMERDEKAAN
SUBTOPIK 10.2 : Persediaan Menyambut Pemasyhuran Kemerdekaan Negara

1. Telitikan maklumat berikut.



Huraikan maklumat yang terkandung dalam petikan dan nyatakan kepentingan penubuhan Stadium Merdeka tersebut? [8 markah]

Maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut ialah

- F1-Stadium Merdeka direka oleh jurutera Jabatan Kerja Raya Persekutuan
 - F2-Dalam masa setahun sahaja
 - F3-Bermula pada 1956 dan siap pada 21 Ogos 1957
 - F4-Idea dikemukakan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj
- Kepentingan**
- F5-Menjadi lambang kebanggaan
 - F6-Lambang kemajuan
 - F7-Menyediakan kemudahan sukan negara
 - F8-Lambang sejarah negara
- (Mana-mana jawapan munasabah)**

TEMA : PEMBINAAN NEGARA
BAB 10 : PEMASYHURAN KEMERDEKAAN
TOPIK 10.3 : Detik Pemasyhuran Kemerdekaan Negara



1. Huraikan maklumat yang terdapat di dalam poster tersebut. [4 markah]

Cadangan jawapan

- F1 - Jalur Gemilang
- F2 - Logo Malaysia Madani Tekad Perpaduan Penuhi Harapan
- F3 - Bunga raya
- F4 - Bangunan Berkembar Petronas

(Mana-mana jawapan munasabah)

TEMA : PEMBINAAN NEGARA
BAB 10 : PEMASYHURAN KEMERDEKAAN
SUBTOPIK 10.3 : Detik Pemasyhuran Kemerdekaan Negara

1. Baca petikan di bawah.

Maka, dengan nama Allah yang Maha Murah lagi Maha Mengasihani, saya **Tunku Abdul Rahman Putra ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Perdana Menteri bagi Persekutuan Tanah Melayu**, dengan persetujuan dan perkenan Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Negeri-negeri Melayu dengan ini memasyhurkan dan meisytiharkan bagi pihak umat Persekutuan Tanah Melayu bahawa mulai daripada Tiga Puluh Satu hari bulan Ogos Tahun Seribu Sembilan Ratus Lima Puluh Tujuh maka Persekutuan Tanah Melayu yang mengandungi di dalamnya Negeri-negeri Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Selangor, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu, Perak, Melaka dan Pulau Pinang dengan limpah rahmat Allah subhanahu wa ta'ala akan kekal menjadi sebuah negara demokrasi yang merdeka dan berdaulat serta berdasarkan kepada kebebasan dan keadilan dan sentiasa menjaga dan mengutamakan kesejahteraan dan kesentosaan rakyatnya dan mengekalkan keamanan di antara segala bangsa.
 Sumber:Petikan Dokumen Pemasyhuran Kemerdekaan 1957

Huraikan mesej yang terkandung di dalam petikan tersebut? Andaikan anda berpeluang mendengar laungan “MERDEKA ‘ pada masa tersebut,apakah perasaan anda? [8 markah]

Cadangan jawapan

Mesej yang terkandung:

- F1 - Pengisytiharan kemerdekaan Tanah Melayu
- F2 - pada tarikh 31.08.1957
- F3 - meliputi 9 negeri-negeri Melayu
- F4 - sebuah negara demokrasi yang merdeka

Perasaan saya ialah :

- F1 - Ber bangga
- F2 - Bersyukur bebas dari penjajah
- F3 - Boleh membentuk kerajaan sendiri
- F4- Boleh memerintah megikut acuan sendiri

(Mana-mana jawapan munasabah)



TAJUK 12 : KEDAULATAN NEGARA
BAB 1 : KEDAULATAN NEGARA

1. Baca petikan berikut.

Setiap negara berdaulat mempunyai kekuatan pertahanan dan angkatan tentera untuk mempertahankannya daripada ancaman, gangguan atau tekanan bersifat ketenteraan pihak lain. Sudah tentu organisasi ketenteraan diurus, dibangunkan dan setiasa bersiap sedia dalam aspek sumber manusia, aset, strategi serta doktrin bagi memenuhi keperluan pertahanan selaras perkembangan geopolitik dunia.

Sumber: Bharian.com.my

Bagaimanakah **cara** mengekalkan kedaulatan negara. Jelaskan.
 [4 markah]

Cadangan jawapan:

- F1 – Menyediakan kekuatan pertahanan negara
- F2 – Organisasi tentera yang sentiasa diurus dengan baik
- F3 – Tentera yang sentiasa bersiap sedia
- F4 – Memodenkan aset ketenteraan

(Mana-mana jawapan munasabah)

2. Baca maklumat dalam petikan berikut.

Kewujudan sebuah negara bergantung kepada kedaulatan atau adanya kekuasaan tertinggi yang tidak terbatas. Kekuasaan tertinggi ertinya tiada kuasa lain yang akan menandingi kuasa sebuah negara. Sesiapa pun harus tunduk kepada kuasa kerana sekiranya negara tidak mempunyai kuasa yang tertinggi atau kuasa yang selalunya tercabar maka dengan sendirinya kedaulatan sesebuah negara boleh terjejas. Ini bererti kuasa tertinggi menentukan sebuah negara itu harus bebas dari kongkongan kuasa-kuasa luar kerana negara yang tunduk dengan kuasa luar boleh menjadi sebuah wilayah jajahan. Dengan lain-lain perkataan sesebuah negara merdeka dapat menentukan Nasib rakyatnya sendiri tanpa duduk di telunjuk kuasa lain atau luar. Bebas dari kogkongan negara luar akan melancarkan perjalanan jentera pentadbiran. Oleh itu kedaulatan adalah penting untuk negara bebas dari menjadi wilayah jajahan.

Sumber: Jabatan Hubungan Antarabangsa Fakulti Pengajian Antarabangsa

Huraikan **mesej** yang terdapat dalam petikan tersebut. [8 markah]

Cadangan jawapan:

- F1–Kewujudan sebuah negara bergantung kepada kedaulatan yang tidak terbatas
- F2–Kuasa tertinggi menentukan sebuah negara itu harus bebas dari kongkongan kuasa-kuasa luar
- F3–Sesebuah negara merdeka dapat menentukan nasib rakyatnya sendiri
- F4–Melancarkan perjalanan jentera pentadbiran
- F5–Membuktikan negara kita sebuah negara bebas merdeka
- F6–Negara bebas menentukan hala tuju dan dasar pentadbiran
- F7–Rakyat tidak tertindas dan hidup dalam suasana harmoni
- F8–Pemimpin negara dapat mentadbir negara dengan sistematik

(Mana-mana jawapan munasabah)

TAJUK 12 : PENGUKUHAN KEDAULATAN NEGARA
BAB 2 : PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

1. Baca maklumat dalam petikan berikut.

Tangkak - Setiap rakyat di negara ini perlu terus patuh kepada undang-undang dan perlembagaan negara bagi memastikan Malaysia terus kekal sebagai negara contoh. Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, jika rakyat terus berpegang kepada prinsip itu, negara akan terus dapat dimajukan dan dibangunkan lebih berjaya daripada apa yang ada hari ini.

Sumber: Sinar Harian

Jelaskan **maklumat** yang terkandung dalam petikan dan **kesan** terhadap negara sekiranya undang-undang tidak dipatuhi.

[4 markah]

Cadangan jawapan:

Maklumat :

- F1 - Setiap rakyat perlu patuh undang-undang dan perlembagaan
- F2 - Malaysia akan kekal menjadi negara contoh
- F3 - Negara akan dapat dimajukan dan dibangunkan

Kesan :

- F4 - Politik tidak stabil
 - F5 - Pentadbiran negara terganggu
 - F6 - Imej negara tercemar
 - F7 - Pembangunan sukar dilaksana
 - F8 - Hubungan kaum terjejas
 - F9 - Ekonomi jatuh
- (Mana-mana jawapan munasabah)**

2. Teliti poster berikut.



Jelaskan **maklumat** yang diperoleh daripada poster dan **bagaimanakah** cara menghormati perlembagaan negara.

[8 markah]

Cadangan jawapan:

Maklumat :

- F1 - Sambutan Kemerdekaan Negara tahun 2022
- F2 - Prinsip Rukun negara ke-3 ialah Keluhuran Perlembagaan
- F3 - Keselamatan negara tanggungjawab bersama
- F4 - Poster dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negeri Pulau Pinang

Kesan :

- F5 - Menghormati undang-undang negara
 - F6 - Menyokong semua dasar-dasar kerajaan
 - F7 - Menghormati lambang-lambang negara
 - F8 - Taat setia kepada raja dan negara
- (Mana-mana jawapan munasabah)**

TAJUK 12 : PENGUKUHAN KEDAULATAN NEGARA
BAB 3 : RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI
BERPARLIMEN

1. Teliti poster berikut.



Huraikan mesej yang terkandung dalam poster berikut.

[4 markah]

Cadangan jawapan:

- F1 – Menghormati rukun negara
 - F2 – Istana dan rakyat tidak dapat dipisahkan
 - F3 – Demi keamanan dan keselamatan negara
 - F4 – Mengelakkan huru-hara
 - F5 – Mewujudkan perpaduan dalam masyarakat
 - F6 – Melicinkan pentadbiran negara
- (Mana-mana jawapan munasabah)**

2. Baca petikan berikut.

Sistem demokrasi berparlimen dapat melahirkan taat setia rakyat yang tidak berbelah bagi kepada pemimpin yang dipilih. Seperti yang kita tahu rakyat juga terlibat dalam menentukan hala tuju politik negara. Oleh itu, Sistem demokrasi berparlimen memberi ruang dan peluang kepada rakyat untuk memilih pemimpin yang berkebolehan dan berkualiti. Seterusnya, rakyat juga mempunyai hak bersuara, berpolitik dan berpersatuan. Pemimpin yang terpilih akan berkhidmat dengan sebaik mungkin kepada rakyat. Hal ini dapat membantu dalam perkembangan ekonomi Negara.

Antara kelebihan lain bagi sistem demokrasi berparlimen ialah, kecekapan pentadbiran Negara yang sistematik telah dibentuk dan segala permasalahan dapat diselesaikan melalui rundingan. Hal ini dapat mengekalkan keamanan dan keharmonian Negara. Dengan itu, perancangan pembangunan kerajaan dapat mudah diatur. Disamping itu, kerjasama dalam masyarakat dapat ditingkatkan. Keadaan ini dapat mengurangkan Tekena antarabangsa. Akhir sekali, Sistem ini juga dapat memperkukuhkan perpaduan dan menjamin kestabilan politik yang secara tidak langsung menarik pelaburan asing bagi membantu perkembangan sistem industry negara.

Sumber : <http://luintannanaa.blogspot.com>

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan berikan komen anda.

[8 markah]

Cadangan jawapan:

Maklumat :

- F1 – Melahirkan taat setia rakyat
- F2 – Menentukan hala tuju politik negara
- F3 – Memberi ruang dan peluang rakyat pilih pemimpin
- F4 – Hak bersuara, berpolitik dan berpersatuan

Komen :

- F5 – Mengekalkan kesejahteraan rakyat
 - F6 – Perpaduan kaum mengelakkan huru-hara
 - F7 – Mengekalkan kedaulatan negara
 - F8 – Pembangunan negara berlaku lebih pesat
- (Mana-mana jawapan munasabah)**

TAJUK 12 : PENGUKUHAN KEDAULATAN NEGARA
BAB 4 : SISTEM PERSEKUTUAN

1. Maklumat berikut berkaitan peristiwa pencerobohan Lahad Datu.

Esscom telah mengambil pelbagai langkah pencegahan bagi menghadapi sebarang ancaman termasuk menambah aset-aset keselamatan dan pertahanan dan jumlah keanggotaan.

ESSCom juga telah mengambil inisiatif untuk meningkatkan tahap kesiapsiagaan pasukan keselamatan dengan melaksanakan beberapa latihan kecekapan melalui Op Pasak I dan II yang telah dilaksanakan baru-baru ini di Sandakan dan Tawau.

Sumber ubah suai: <https://www.astroawani.com>

Huraikan **pernyataan** tersebut.

[4 markah]

Cadangan jawapan:

- F1 – Esscom telah menambah aset-aset keselamatan
- F2 – Esscom melaksanakan latihan kecekapan
- F3 – Keamanan dan keselamatan negara tanggungjawab bersama
- F4 – Campur tangan asing harus dielakkan
(Mana-mana jawapan munasabah)

2. Baca petikan berikut dengan teliti.

Malaysia pada hari ini bukan sebuah persekutuan yang bermula daripada kekosongan. Pada peringkat awal, ia adalah pemersekutuan sembilan Kerajaan Melayu berdaulat dengan dua Negeri Selat pada 21 Januari 1948, diikat melalui Perjanjian Persekutuan.

Ketatanegaraan Malaysia sebagai sebuah persekutuan perlu difahami dalam kerangka Persekutuan Tanah Melayu sebelum penyertaan Sabah dan Sarawak.

Tanah Melayu yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan, maka pada 16 September 1963 lahir Malaysia yang disertai sama Singapura.

Perlu dinyatakan dengan tegas bahawa kedudukan Raja-Raja Melayu sebagai pemerintah Tanah Melayu, Islam sebagai undang-undang watan (law of the land), hak orang Melayu sebagai bangsa asal Tanah Melayu, bahasa Melayu yang sekian lama bertaraf Nusantara dan amalan adat Melayu adalah unsur watan atau warisan, berakar umbi dan adalah jati diri Tanah Melayu sejak Kesultanan Melayu Melaka.

Sumber ubahsuai: bh.com.my

Jelaskan **maklumat** yang diperoleh daripada petikan dan berikan **komen** anda.

[8 markah]

Cadangan jawapan:

Maklumat:

- F1 – Pemersekutuan terdiri daripada sembilan Kerajaan Melayu
- F2 – Ketatanegaraan Malaysia perlu difahami dalam kerangka PTM sebelum penyertaan Sabah dan Serawak
- F3 – 16 September 1963 lahir Malaysia yang disertai Singapura
- F4 – Raja-raja Melayu sebagai pemerintah Tanah Melayu

Komen:

- F5 – Kita perlu mempertahankan negara kita agar kekal merdeka
- F6 – Bangsa dan negara yang bersatu dapat memajukan negara
- F7 – Janganlah kita melupakan unsur warisan yang kita ada
- F8 – Sistem persekutuan kekal dengan sokongan semua pihak
(Mana-mana jawapan munasabah)

TAJUK 13 : PEMBENTUKAN MALAYSIA
BAB 5 : PEMBENTUKAN MALAYSIA

1. Gambarajah menunjukkan peristiwa konfrontasi Malaysia dan Indonesia.



Apakah **pengajaran** yang diperoleh daripada peristiwa tersebut?
 [4 markah]

Cadangan jawapan:

- F1 – Mengelak sebarang persengketaan dengan negara luar
 - F2 – Mempertahankan negara dari pencerobohan asing
 - F3 – Konfrontasi menggugat keamanan negara
 - F4 – Harus menyelesaikan persengketaan dengan bijak
- (Mana-mana jawapan munasabah)**

2. Baca petikan berikut.

Malaysia ditubuhkan secara rasmi pada tanggal 16 September 1963 dimana dalam penubuhan negara ini ianya telah melibatkan gabungan antara Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Borneo Utara (Sabah).

Kerjasama gabungan ini lebih merupakan kepada satu bentuk kerjasama dari segi politik dan ekonomi dan ianya juga sebagai satu langkah untuk menyekat pengaruh komunis yang dilihat semakin menular dan menjejaskan kestabilan politik.

Selain itu, pembentukan Malaysia juga adalah untuk menyeimbangkan populasi kaum yang berada di Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura. Tindakan Tunku membawa Borneo Utara (Sabah), Sarawak dan Brunei untuk membentuk Malaysia itu juga sedikit sebanyak menyeimbangkan populasi kaum yang ada di Malaysia dimana kebanyakan penduduk di sana adalah kaum Bumiputera.

Sumber ubahsuai: astroawani.com

Huraikan **maklumat** yang terkandung dalam petikan tersebut.

[8 markah]

Cadangan jawapan:

- F1 – Malaysia menggabungkan PTM, Singapura, Serawak dan Sabah
 - F2 – Merupakan bentuk kerjasama dari segi politik dan ekonomi
 - F3 – Langkah untuk menyekat komunis
 - F4 – Bertujuan menyeimbangkan populasi kaum
 - F5 – *Memupuk perpaduan kaum*
 - F6 – *Pembangunan negara akan lebih pesat*
 - F7 – *Membantu negara kecil mendapat kemerdekaan lebih cepat*
 - F8 – *Kekayaan negeri dapat dikongsi bersama*
 - F9 – *Kedaulatan negara akan terjamin*
- (Mana-mana jawapan munasabah)**

TAJUK 13 : PEMBENTUKAN MALAYSIA
BAB 6 : CABARAN PEMBENTUKAN MALAYSIA

1. Baca maklumat dalam petikan berikut.

“Jangan dek kemewahan dan kesenangan yang kita kecapi, kita meremehkan persoalan kekentalan jati diri, sedangkan mengekalkan jati diri dan maruah bangsa menjadi resipi ampuh serta benteng kestabilan negara. Tanpa rentetan sejarah, kita tidak mampu menghayati serta menginsafi jasa pejuang bangsa dan pemimpin terdahulu yang berjuang demi kemerdekaan. Ramai tokoh yang tidak didendang yang telah mengukir kecemerlangan.

“Mungkin mereka bukan pemimpin. Bukan juga orang ternama. Namun, kegemilangan tersendiri yang tercipta telah mengharumkan nama bangsa dan negara.”

Sumber Diubah suai: <https://www.berita.harian>

Jelaskan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut.

(4markah)

- F1 - Membentuk semangat jati diri
- F2 - Mengekalkan benteng kestabilan negara
- F3 - Menghayati pejuang bangsa
- F4 - Berjuang untuk kemerdekaan bukan untuk kepentingan diri
(Mana-mana jawapan munasabah)

2. Baca maklumat dalam petikan berikut.

Singapura pernah menjadi salah satu daripada 14 negeri dalam Persekutuan Malaysia dari 1963 hingga 1965; ia berikutan penubuhan persekutuan tersebut pada 16 September 1963 sebagai entiti politik baru hasil penggabungan Persekutuan Tanah Melayu dengan beberapa bekas jajahan British iaitu Borneo Utara, Sarawak dan Singapura. Ini menandakan berakhirnya tempoh 144 tahun pemerintahan British di Singapura, bermula dengan penubuhan Singapura moden oleh Sir Stamford Raffles pada tahun 1819.

Walau bagaimanapun, kesatuan itu tidak stabil kerana perbezaan kesangsian dan ideologi antara pemimpin-pemimpin Negeri Singapura dan kerajaan persekutuan Malaysia. Isu-isu seperti itu mengakibatkan perselisihan yang kerap berkait dengan ekonomi, kewangan dan politik. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), yang merupakan parti politik yang berkuasa di kerajaan persekutuan, menyaksikan penyertaan Parti Tindakan Rakyat (PAP) yang berpangkalan di Singapura pada pilihan raya umum 1964 sebagai ancaman kepada sistem politik masyarakat Melayu. Terdapat juga rusuhan kaum utama tahun itu yang membabitkan majoriti masyarakat Cina dan masyarakat Melayu di Singapura. Semasa pilihan raya kecil Singapura 1963, UMNO dan Perikatan melancarkan sokongannya di sebalik calon pembangkang Barisan Sosialis. Pada tahun 1965, Perdana Menteri Malaysia Tunku Abdul Rahman memutuskan agar Singapura dikeluarkan dari Persekutuan, membawa kepada kemerdekaan Singapura pada 9 Ogos.¹

Sumber Diubah suai: Wikipedia, ensiklopedia bebas

Jelaskan mesej dalam petikan tersebut dan berikan komen anda.

(8markah)

Mesej

- F1 - Penggabungan 14 buah negeri membentuk Malaysia
- F2 - Kesatuan ini tidak stabil kerana perbezaan ideologi
- F3 - Isu perselisihan berkait rapat ekonomi dan politik
- F4 - Terdapat juga rusuhan kaum membabitkan masyarakat Cina dan Melayu

Komen

- F5 - Perpaduan
- F6 - Semangat jati diri
- F7 - Mengekalkan maruah bangsa
- F8 - Menguatkan pertahanan negara
(Mana-mana jawapan munasabah)

TAJUK 14 : KEMAKMURAN NEGARA
BAB 7 : MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA

1. Baca maklumat dalam petikan berikut.

Wawasan 2020 yang telah diilhamkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia Tun Dr Mahathir Mohamad ialah untuk menjadikan Malaysia negara maju, dengan masyarakat Malaysia yang yakin, mempunyai nilai moral dan etika yang kukuh, hidup dalam masyarakat yang demokratik, liberal dan bertolak ansur, penyayang, adil dari segi pengagihan ekonomi, progresif dan makmula, dan mempunyai penguasaan sepenuhnya terhadap ekonomi yang bersaing, dinamik, cergas dan kental.

Pendidikan ialah faktor penting di dalam sistem kehidupan manusia. Bentuk dan aliran pendidikan yang menjadi faktor mengubah kehidupan manusia. Sistem dan konsep pendidikan haruslah menitikberatkan tentang pembangunan insaniah dan tidak hanya menumpukan kepada pembangunan aspek fizikal sahaja. Berdasarkan kepada konsep Falsafah Pendidikan Kebangsaan ia bertujuan untuk meningkatkan perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan seimbang dari segi jasmani, emosi intelek, dan rohani (JERI) berdasarkan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Ia selaras dengan matlamat Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) iaitu membantu murid-murid memperkembangkan potensi dari segi JERI secara menyeluruh dan bersepadu.

Pelajar yang berkembang secara menyeluruh dan bersepadu adalah aset penting pembangunan negara. Dewasa kini kita sering dihidangkan dengan cerita masalah-masalah disiplin remaja sekolah seperti gejala ponteng sekolah, gangsterisme, merokok, melawan guru, buli, vandalisme, maksiat dan banyak lagi masalah disiplin yang melibatkan pelajar sekolah. Masalah disiplin yang menular dikalangan pelajar sekolah kini ialah bukan masalah yang harus kita lihat sebagai masalah yang remeh tetapi sebagai satu masalah nasional.

<http://eprints.utm.my/>

Jelaskan **maklumat** berdasarkan petikan diatas dan **Langkah** yang di ambil bagi melahirkan masyarakat berilmu pengetahuan. [8 markah]

Maklumat

- F1 - Melahirkan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaya saing
- F2 - Pendidikan menjadi tunjang utama
- F3 - Mampu mengubah hidup seseorang
- F4 - Meningkatkan perkembangan potensi individu

Langkah

- F5 - Penyediaan kemudahan insfrastuktur yang sempurna
- F6 - Guru-guru yang terlatih
- F7 - Program Pendidikan
- F8 - Kempen
(Mana-mana jawapan munasabah)

2. Baca maklumat dalam petikan berikut.

Sukan merupakan salah satu instrumen penting untuk mengeratkan hubungan perpaduan dan integrasi masyarakat negara yang berbilang kaum. Hal ini demikian kerana, kegiatan sukan dapat melahirkan semangat kekitaan dalam pasukan untuk meraih kemenangan. Sifat bersatu padu juga dapat dipupuk melalui penglibatan dalam kegiatan sukan kerana bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat. Lantaran itu, hubungan yang erat dapat melahirkan sebuah pasukan yang kuat. Para penyokong juga dapat menyatupadukan masyarakat berbilang kaum di samping berkongsi minat dalam sukan yang sama.

Bagi golongan remaja pula, penglibatan dalam bidang sukan dapat menghindarkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang tidak bermoral, gejala vandalism serta hedonisme dan membuang masa sia-sia seperti melepak, merokok dan terlibat dalam pengambilan dadah. Malah aktiviti riadah ini dapat menarik masyarakat ke arah memanfaatkan masa lapang dengan cara yang lebih baik. Kesan amat jelas kerana dengan bersukan sukan mampu meningkatkan swadaya masyarakat dan melangkah gagah dengan yakin ke peringkat antatabangsa walaupun melalui ranjau pidana dunia persaingan hari ini. Jikalau aktiviti senggang ini digunakan untuk beriadah sudah pasti negara akan dapat melahirkan atlet negara bertaraf dunia. Sesungguhnya sukan dapat mendisiplinkan masyarakat memanfaatkan masa dengan lebih bermakna.

Jelaskan **maklumat** yang terkandung dalam petikan tersebut dan **manfaat** sukan kepada Masyarakat hari ini. [8 markah]

Maklumat

- F1 - Sukan penting dalam mengeratkan hubungan antara kaum
- F2 - Sikap Bersatu padu dalam kalangan penduduk perlu dipupuk
- F3 - Nilai perpaduan contohnya bekerjasama
- F4 - Bidang sukan dapat hindarkan diri daripada perkara yang tidak berfaedah

Manfaat

- F5 - Pupuk semangat toleransi
- F6 - Kesihatan
- F7 - Kebersamaan
- F8 - Jalin hubungan pelbagai kaum
(Mana-mana jawapan munasabah)

TAJUK 14 : KEMAKMURAN NEGARA
BAB 8 : MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA

1. Baca maklumat dalam petikan berikut.

Krisis alam sekitar kini dianggap sebagai kesan yang tidak boleh dielakkan sekiranya sesebuah masyarakat ingin mencapai pembangunan dan kemajuan di sesebuah kawasan. Kesan pembangunan terhadap alam sekitar kian menular dan bukti kemerosotan semakin jelas kelihatan. Atas nama pembangunan, pertahanan kemurnian alam sekitar diketepikan.

Satu persatu projek mega dibangunkan seolah-olah tidak siapa peduli rintihan alam sekitar akibat kerakusan manusia mengejar pulangan berganda. Natiujahnya, pertumbuhan pesat dan berterusan sektor perindustrian serta projek pembangunan dijangka memberi kesan lebih ketara kepada kualiti alam sekitar sekiranya pemegang taruh tidak memberi perhatian kepada elemen menjaga kelestarian alam sekitar.

Walaupun dunia digambarkan semakin mengecil dari segi jarak komunikasi dan urus niaga disebabkan kecanggihan alat teknologi elektronik seperti komputer, isu krisis alam sekitar pula sebaliknya semakin membesar sama ada pada peringkat dalaman sesebuah negara atau antarabangsa.

Sumber : bhrencana@bh.com.my

Huraikan **maklumat** dalam petikan tersebut dan jelaskan **kepentingan** menjaga kelestarian alam sekitar. [8 markah]

Maklumat

- F1 - Krisis alam sekitar tidak boleh dielakkan
- F2 - Kesan pembangunan
- F3 - tidak mengambil kira kelestarian alam
- F4 - Sikap manusia yang rakus dan tamak
- F5 - Sektor perindustrian memberi kesan negatif
- F6 - Semakin buruk pada peringkat negara atau antarabangsa

Kepentingan

- F7 - Ekosistem menjadi stabil
 - F8 - Habitat flora dan fauna terpelihara
 - F9 - Kelangsungan hidup generasi akan datang
 - F10 - Bekalan sumber alam terjamin
- (Mana-mana jawapan munasabah)**

2. Teliti poster berikut.



Dalam usaha mengejar pembangunan dan pemodenan, penjagaan terhadap kelestarian alam sekitar perlu dititikberatkan. Mengapakah **usaha** tersebut perlu diberi perhatian?

[4 markah]

- F1 - Mengelak daripada kepupusan flora dan fauna.
- F2 - Mengelak berlaku bencana alam.
- F3 - Pemanasan global.
- F4 - Kepupusan haiwan.
- F5 - Menjejaskan kitaran alam.

(Mana-mana jawapan munasabah)

TAJUK 15: MALAYSIA DI PERSADA DUNIA
BAB 9 : DASAR LUAR MALAYSIA

1. Baca maklumat dalam petikan berikut.

Objektif asas dan utama Dasar Luar Malaysia adalah bertujuan untuk melindungi kepentingan nasional di arena antarabangsa sekaligus di pentas dunia. Menurut pernyataan mantan Menteri Luar Negeri, Dato' Seri Syed Hamid Albar, antara objektif-objektif paling utama dasar luar negara Malaysia adalah menjaga, mempertahankan dan memajukan kepentingan-kepentingan Malaysia di peringkat global.

Selain itu, dasar ini turut menjaga dan mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan dan keselamatan Malaysia seterusnya mempertahankan prinsip menghormati kemerdekaan dan kedaulatan sesebuah wilayah melalui dasar tidak campur tangan dalam hal ehwal dan masalah dalaman negara lain.

Objektif seterusnya adalah untuk menangani perkembangan dan cabaran politik, ekonomi, keselamatan dan sosial di pentas dunia. Dasar ini juga dapat memupuk hubungan baik serta dapat mengeratkan kerjasama dengan negara-negara lain. Selain itu, pendirian serta kepentingan negara-negara membangun dapat dipertahankan di peringkat antarabangsa.

Sumber: Kementerian Luar Negeri

Jelaskan **maklumat** berdasarkan petikan tersebut dan **kesan** sekiranya **Malaysia tidak menjalinkan hubungan luar**? [8 markah]

Maklumat

- F1 - Melindungi kepentingan nasional
- F2 - Menjaga mempertahankan dan memajukan kepentingan
- F3 - Mempertahankan Kemerdekaan, kedaulatan dan keselamatan
- F4 - Memupuk hubungan baik dan mengeratkan kerjasama

Kesan

- F5 - Ekonomi mundur
- F6 - Tiada pelaburan asing
- F7 - Tiada bantuan
- F8 - Pelabur asing tidak masuk

(Mana-mana jawapan munasabah)

2. Baca maklumat dalam petikan berikut.

“.....kekuatan ASEAN ini banyak didokong oleh prinsip tidak campur tangan yang dilahirkan bersama dan prinsip ini banyak menunjangi kerjasama dalam pertubuhan tersebut”

Sumber : Researchgate.net/publication

Rasionalkan mengapa dasar ini perlu dikekalkan?

[8 markah]

- F1 - Kedaulatan
- F2 - Hormati kebebasan
- F3 - Elak ketegangan
- F4 - Keamanan
- F5 - Kestabilan politik
- F7 - Tidak campur urusan negara lain
- F8 - Kerjasama antara negara

(Mana-mana jawapan munasabah)

3. Maklumat berikut berkaitan sumbangan OIC terhadap Dunia Islam.

Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ditubuhkan pada 25 September 1969 (12 Rejab 1389H) bersempena Persidangan Dunia Islam pertama di Rabat, ibu negara Maghribi ketika memuncaknya serangan ganas terhadap Masjid Al-Aqsa oleh puak Zionis. Tindakan puak Zionis itu mendorong para pemimpin Islam menubuhkan sebuah pertubuhan antarabangsa bagi memperjuangkan kepentingan umat Islam dalam segenap bidang di seluruh dunia.

Sumber : Journal Penyelidikan

Berdasarkan kepada petikan di atas, berikan **cadangan** untuk meningkatkan **keberkesanan perjuangan OIC** pada hari ini.

[8 markah]

- F1 - Perkukuhkan kerjasama
- F2 - Anggota bersatu-padu
- F3 - Ketepikan kepentingan diri/negara
- F4 - Berpegang al-Quran/sunnah
- F5 - Pemimpin integriti
- F6 - Kewangan teguh
- F7 - Tidak gentar ancaman
- F8 - Agensi OIC ditubuhkan
- F9 - Fokus kepada kebajikan
- F10 - Perancangan teliti

(Mana-mana jawapan munasabah)

TAJUK 15: MALAYSIA DI PERSADA DUNIA
BAB 10 : KECEMERLANGAN MALAYSIA DI PERSADA DUNIA

1. Baca maklumat dalam petikan berikut.

Wabak COVID-19 benar-benar menjadi 'bala global'. Hal ini, mengajar kita gembargembur globalisasi politik, ekonomi dan sosial tidak membantu masyarakat apabila berhadapan bencana kesihatan sebesar ini tanpa kebijaksanaan segera dan tindahtanduk serta-merta yang ditunjukkan kerajaan pada peringkat nasional.

<https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/tangani-bala-global-tuntutkebijaksanaan-pentadbir>

Berdasarkan petikan tersebut terangkan **kepentingan kebijaksanaan** dalam menguruskan isu-isu semasa.

[4 markah]

- F1 - Memastikan politik negara stabil
- F2 - Pentadbiran negara dapat berjalan lancar
- F3 - Mewujudkan sebuah negara yang aman damai
- F4 - Tiada peperangan / rusuhan Kaum

(Mana-mana jawapan munasabah)

2. Baca maklumat dalam petikan berikut.

Sistem kewangan Islam adalah pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi Islam. Melalui kewujudan sistem kewangan Islam, umat Islam baik golongan pengusaha, pelabur mahu pun pengguna biasa dapat menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh system kewangan ini untuk memenuhi keperluan masing-masing. Sistem kewangan Islam ini telah mewujudkan satu sistem kewangan baharu yang membantu umat Islam untuk mengelak terbabit dengan unsur-unsur riba iaitu tunjang sistem kewangan konvensional. Penubuhan bank Islam pada asalnya ialah untuk menjadi satu platform yang menjadi pemangkin kepada proses pembangunan yang berasaskan kepada prinsip moral, etika dan kebajikan. Prinsip ini merujuk kepada pembangunan sosioekonomi yang turut didokong oleh semangat persaudaraan dan tolong menolong sesama Islam.

Sumber: <https://bharian.com.my>

Jelaskan **maklumat** yang terkandung petikan tersebut dan **kesan kejayaan** Malaysia membangunkan sistem tersebut?

[8 markah]

Maklumat

- F1 - Kewangan islam pemangkin ekonomi
- F2 - Mendapat manfaat dari perkhidmatan
- F3 - Mengelakkan unsur riba
- F4 - Pemangkin proses pembangunan

Kesan kejayaan

- F5 - Pembangunan sosioekonomi
 - F6 - Ekonomi negara kukuh
 - F7 - Pelaburan dana Islam bertambah
 - F8 - Mendigitalkan kewangan Islam
- (Mana-mana jawapan munasabah)**

3. Petikan berikut dipetik sempena Hari Kemanusiaan

“Justeru, dalam menangani krisis kemanusiaan pada hari ini, ditambah dengan kesan pandemik COVID-19, dunia perlu diatur semula agar setiap negara dilayan dengan penuh saksama, bermaruah dan dihormati” Presiden Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM)

Sumber: [https:// www.astroawani.com](https://www.astroawani.com)

Mengapakah **konflik kemanusiaan** masih berlaku pada masa ini?

[4 markah]

- F1 - Tiada perpaduan
- F2 - Pemimpin yang tamak
- F3 - Tidak berpandangan jauh
- F4 - Tiada kerjasama

(Mana-mana jawapan munasabah)

4. Teliti poster berikut.

MCGO
CARE FOR UMMAH

MISI BANTUAN MUSIM SEJUK MELALUI TURKI

WINTER AID MISSION
Syria

19 JANUARI - 26 JANUARI 2020

Bantuan operasi kilang pengeluaran 120,000 KEPING SEHARI serta rawatan pemulihan untuk mangsa peperangan **DIPERLUKAN SEGERA** untuk membantu rakyat-rakyat Syria.

OPERASI KILANG ROTI RM 100	PAKAIAN MUSIM SEJUK RM 100	MEDICAL KIT RM 100	TAJAAN PENDIDIKAN RM 150	BANTUAN KEBAJIKAN RM 100
-------------------------------	-------------------------------	-----------------------	-----------------------------	-----------------------------

Sumbangkan melalui akaun:
PERTUBUHAN PENCINTA MUSLIM SEDUNIA (MUSLIM CARE GLOBAL)
RHB Islamic Bank 2 12523 6001152 6
Maybank Islamic 5624 7816 8967

Maklumkan sumbangan anda melalui WHATS APP ke nombor berikut:
HOTLINE MCG : 019 - 262 5938
HJ ZAKARIA : 012 - 693 5938
EN HAFIZ : 013 - 964 5932
EN ZAMAN : 019 - 323 3834

www.muslimcareglobal.com
@mcg_careforummah
MCG - Muslim Care Global

Huraikan meklumat dalam poster dan kepentingan semangat kesukarelawan dalam isu global terhadap kemakmuran negara.

[8 markah]

Maklumat dalam poster

- F1 - Winter Aid Mission ke Syria
- F2 - Bantuan rawatan mangsa perang
- F3 - Pertubuhan Muslim Care Global
- F4 - Bantuan makanan, pakaian dan perubatan

Kepentingan semangat kesukarelawan

- F5 - Meningkatkan imej negara
 - F6 - Malaysia dikenali di persada dunia
 - F7 - Memberi kesan kepada kemajuan ekonomi negara
 - F8 - Ramai pelabur berminat melabur di Malaysia
- (Mana-mana jawapan munasabah)**

5. Baca maklumat dalam petikan berikut.

Ancaman keselamatan dan jenayah yang dibawa oleh pendatang tanpa izin (PATI) tidak boleh dipandang mudah kerana setiap daripada mereka mampu memberi risiko kepada rakyat di negara ini. Sekadar membayangkan jika ada antara PATI ini terbabit dalam aktiviti tidak sihat di negara asal atau menjadi buruan pihak berkuasa dipelbagai negara dan bolos ke negara ini secara tidak sah kerana tidak perlu melalui tapisan di pintu sempadan. Paling dikhuatiri apabila mereka bebas bergerak di dalam negara di dalam pelbagai sektor pekerjaan, membina penempatan dan komuniti sendiri, terlibat dalam kegiatan jenayah

Sejauhmanakah isu tersebut menjadi ancaman keselamatan negara pada masa hadapan?

[4 markah]

- F1 - Risiko aktiviti tidak sihat
 - F2 - Kedaulatan negara terguga
 - F3 - Peluang pekerjaan penduduk tempatan tersekat
 - F4 - Jenayah dan gejala sosial
- (Mana-mana jawapan munasabah)**